

06 JUL 2001

Mahathir-Konsert

DR MAHATHIR HADIRI MALAM KONSERT AMAL

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad malam ini menghadiri Malam Konsert Amal Antarabangsa Yayasan Sultanah Bahiyah.

Majlis yang diadakan di sebuah hotel di sini adalah bersempena hari keputeraan ke-73 Sultan Kedah. Konsert itu bertujuan mengumpul dana bagi berbagai program Yayasan tersebut.

Yang turut hadir ialah Sultan dan Sultanah Kedah, isteri Perdana Menteri Datuk Sri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain.

Pada majlis yang diserikan dengan persembahan artis tempatan dan antarabangsa itu, Sultan Kedah turut memotong kek sempena ulangtahun keputeraan baginda.

Yayasan Sultanah Bahiyah ditubuhkan pada 1996 bagi menjalankan pelbagai program berbentuk kemasyarakatan di negeri Kedah.

Antara program tersebut ialah Projek Titian Bistari yang menyediakan kelas tuisyen matapelajaran bahasa Inggeris dan matematik kepada murid-murid terpilih di sekolah rendah luar bandar.

Projek Titian Ehsan pula ditumpukan kepada pembangunan remaja dan kerjaya.

Ketika berucap pada majlis itu, pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz berkata yayasan berkenaan merupakan ejen perubahan yang memberi manfaat jangka panjang kepada golongan sasaran.

Beliau berkata yayasan itu merancang menganjurkan pelbagai program lain seperti kursus teater dan kelas muzik remaja bagi mengembangkan bakat seni serta mewujudkan sebuah pusat sumber dan maklumat remaja.

Yayasan juga membantu kaum wanita melalui program ibu tunggal supaya mereka berdikari selain membantu warga tua yang daif.

Pada majlis itu, beberapa penderma menyampaikan sumbangan masing-masing untuk membantu yayasan itu.

-- BERNAMA

RV LYM LAT